

# Pecah perut dengan CEF WAN



Cef selebriti, Datuk Cef Wan, bukan sekadar mahir memasak bahkan pandai melayan tetamu. Jurucakap minuman kesihatan, Huiji Fruity Lite, itu diundang memeriahkan acara, *Seni Menjamu Selera Aidilfitri Bersama Cef Wan*, baru-baru ini.



Salah seorang peminat Datuk Cef Wan berpeluang berjabat tangan dengannya sejeurus beliau tiba.



Datuk Cef Wan sedang memasuki dewan acara.



Alahai, gembiranya Datuk Cef Wan dapat korsaj bunga!



Dapur berasap dengan Datuk Cef Wan.

Datuk Cef Wan mengajar peserta cara menghiasi meja makan dengan menggunakan pinggan mangkuk tajaan Corelle.



Para peserta berpusu-pusu membeli rempah segera *Dancing Chef* sementara ada pula yang mencuba hidangan siap sedia yang menggunakan rempah segera.



Memasak lebih mudah dengan rempah segera *Pes Kari Kuning Dancing Chef* untuk salah satu resipi rekaan Datuk Cef Wan.



Minumlah minuman berkhasiat, *Huiji Fruity Lite!*



Peserta menikmati juadah bufet dari Restoran Kintamani.



Siapa lagi kalau bukan Datuk Cef Wan yang membuat peserta tergelak dengan lawak jenakanya?



Ada ingin tahu tentang khasiat minuman *Huiji Fruity Lite* dan ada pula sudah bersedia untuk membelinya.



Datuk Cef Wan mengajak peserta menikmati minuman berkhasiat *Huiji Fruity Lite*.

## Tahniah kepada semua pemenang! Hadiah daripada jenama Turbo, Dancing Chef & Huiji Fruity Lite



FOTO: IHSAN HUIJI

Mereka datang berpusu-pusu pada awal pagi Sabtu. Ada yang tiba untuk mempelajari sesuatu tetapi ada juga yang sekadar ingin mendengar usikan dan menyaksikan gelagat personaliti popular dari seberang, Datuk Cef Wan.

Sepanjang sesi bengkel memasak, *Seni Menjamu Selera Aidilfitri Bersama Cef Wan*, di hotel Furama RiverFront Julai lalu, sekitar 250 peserta mempelajari empat jenis resipi. Ia termasuk *Mi Kari Myanmar (Onokosueh)*, *Kari*

*Udang Galah bersama Nanas*, *Gulai Hijau bersama Berbola Ikan dan Telor Asin* serta minuman, *Cahaya Ramadan*.

Di samping itu, para peserta turut mempelajari serba sedikit tentang seni menghias meja makan disertai pinggan mangkuk dan hiasan bunga.

Datuk Cef Wan yang kini dinobatkan jurucakap minuman kesihatan, *Huiji Fruity Lite*, turut memberi nasihat tentang cara memelihara kesihatan di samping berkongsi pelbagai tip.

Bengkel memasak itu adalah anjuran akhbar, *Berita Harian/Berita Minggu* dan majalah *SUTRA* dengan kerjasama syarikat Turbo, Huiji dan Natrad.

